

15 OCT 2003

Abdullah-Ekspo

EKSPO OIC 2003 PEMANGKIN KERJASAMA EKONOMI NEGARA OIC

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Ekspo OIC 2003 yang pertama kali diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), merupakan satu pendekatan terbaik yang praktikal untuk kerjasama ekonomi dan perdagangan antara negara anggota.

Timbalan Perdana Menteri berkata ekspo perdagangan seumpama itu merupakan "satu bazar bergerak" yang dapat menemukan ahli perniagaan, perbankan, insurans dan sebagainya untuk bertukar-tukar maklumat dan memulakan usahasama perniagaan bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan daripada mana-mana negara anggota.

"Ini adalah satu pendekatan yang cukup praktikal untuk memulakan secara besar-besaran, bersungguh-sungguh dan secara berkesan, muafakat serta kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan perindustrian serta pelaburan bagi negara OIC," katanya kepada pemberita selepas melawat Ekspo OIC 2003 di sini hari ini.

Terdahulu, Abdullah meluangkan masa selama tiga jam melawat hampir keseluruhan kira-kira 600 syarikat daripada 27 negara OIC dan bukan anggota yang mengadakan pameran.

Ekspo itu diadakan di kawasan seluas 26,976 meter persegi yang boleh menempatkan kira-kira lima padang bola sepak, di Presint 5 dan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Ekspo terbesar yang mendapat anugerah "Malaysia Books of Record" itu diadakan sehingga Ahad ini, dianjurkan oleh FR Exhibition and Conference Sdn Bhd.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak OIC yang pertama kali diadakan di Asia. Ketua-ketua negara dan kerajaan OIC akan memulakan mesyuarat mereka esok.

Sambil melahirkan rasa gembira terhadap ekspo itu, Abdullah berkata negara anggota OIC perlu membuat permulaan kerjasama ekonomi dan perdagangan tanpa perlu menunggu satu sistem dan rancangan yang sempurna untuk mengadakan usahanya seumpamanya.

"Apabila kita dah mula, kerjasama (sedemikian) itu dapat diperluaskan dan ini memberikan kebaikan kepada semua negara OIC. Saya benar-benar berharap ini akan menjadi permulaan kepada perkembangan baru dalam kerjasama OIC.

"Ini akan membawa banyak perubahan kepada OIC dan ummah," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut bangga kerana ekspo itu bukan sahaja mempamerkan barangan dan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat daripada negara anggota OIC tetapi disertai oleh institusi pengajian tinggi yang menawarkan maklumat mengenai kursus dan pengajian yang dikendalikan mereka.

Ditanya mengenai penggunaan Dinar Emas dalam urusan pembayaran dagangan di kalangan negara anggota bagi menggantikan dolar Amerika yang dicadangkan oleh Malaysia, Abdullah berkata ia telah mula mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara OIC.

Beliau berkata Ekspo OIC 2003 yang turut mempamerkan penggunaan Dinar Emas tentu sekali dapat menarik minat pemimpin OIC untuk memberi sokongan.

"Saya selalu berkata bila kita tengok, baru tahu. Apabila mereka melihatnya akan terbukalah minda mereka untuk memberi sokongan kepadanya dan kita harap satu hari nanti dinar emas akan dapat digunakan sebagai wang pertukaran untuk membayar barangan dan perkhidmatan yang diurusniagakan di kalangan negara OIC," katanya.

Promosi penggunaan dinar emas dilakukan oleh Dinar and Dirham

International, yang merupakan satu daripada empat penaja utama Ekspo OIC 2003.

Abdullah berkata penggunaan Dinar Emas tidak perlu menunggu kesemua negara anggota bersetuju menggunakannya tetapi ia boleh digerakkan dan dipopularkan walaupun hanya oleh sebilangan negara anggota.

Beliau juga yakin lebih banyak negara akan menyokong untuk menggunakan dinar emas menggantikan dolar Amerika bagi menjayakan perdagangan antara negara OIC.

Terdahulu, Abdullah menghadiri majlis minum petang Ekspo OIC 2003 dan melancarkan minuman ringan "Mecca Cola" yang dikeluarkan sebagai alternatif kepada Coca-Cola keluaran syarikat Amerika Syarikat.

Mecca Cola yang dipasarkan di seluruh dunia, dikeluarkan di Paris, Perancis sebagai satu pilihan kepada masyarakat dunia khususnya umat Islam dan saingan produk minuman lain yang dikeluarkan Amerika.

Pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan sijil "Malaysia Book of Records" daripada pengasasnya dan Presiden Malaysia Book of Records Danny Ooi kepada Pengerusi F&R Exhibition and Conference Sdn Bhd Laksamana (B) Tan Sri Abu Bakar Jamal.

Anugerah itu berikutan kejayaan F&R Exhibition and Conference Sdn Bhd mengadakan ekspo perdagangan terbesar di negara ini.

-- BERNAMA

HS AZZ RON